

26 DEC 2002

RUMAH TERBUKA AIDILFITRI TIADA ARAK, KATA SYED RAZAK

ALOR STAR, 26 Dis (Bernama) -- Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain hari ini meminta polis bertindak terhadap pihak yang menabur fitnah arak turut dijamu pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Malaysia di Jitra Sabtu lepas.

"Ini adalah tuduhan untuk memburukkan kerajaan negeri dan negara amnya kerana kita tidak pun berbuat demikian, malahan hanya menghidangkan minuman oren dan air mineral walaupun jemputan dari seluruh dunia turut hadir," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis jamuan Aidilfitri Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) di sini hari ini.

Majlis begitu murni yang melambangkan imej negara tidak akan dicemari dengan hidangan yang sebegitu rupa, katanya semasa diminta mengulas tohmahan yang dibuat oleh pihak tertentu dalam beberapa ceramah di sini.

Kira-kira 200,000 orang tetamu termasuk dari Thailand menghadiri majlis itu yang dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawat dari Thailand Thaksin Shinawatra turut serta.

-- BERNAMA

MNH MOZ